

BAB V

PENUTUP

Kesimpulan

PT. Takaful Umum yang berfalsafahkan penghayatan semangat saling bertanggung jawab, saling bekerja sama dan saling melindungi dalam kegiatan-kegiatan sosial menuju tercapainya kesejahteraan umat. Ini merupakan prinsip yang sangat didamba-dambakan semua umat manusia.

Pelanggan yang mengikuti takaful akan sangat merasa bernasib baik kerana selain ia telah menyelamatkan barang-barang yang telah diinsurankan dan juga ia akan mendapat keuntungan dari hasil pelaburan yang dilakukan oleh syarikat takaful tanpa harus merasa ragu dari segi halalnya.

Takaful umum bekerja atas dua konsep yang pertama saling menanggung sesama pelanggan yang kedua *muḍārabah* dimana keuntungan yang diperoleh dari pelaburan akan dibahagikan kepada semua pelanggan.

Apabila pelanggan takaful mengundurkan diri kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakan sedangkan masa pertanggungan belum berakhir, maka pelanggan tersebut akan menerima kembali caruman yang telah dibayar dan ditambah dengan keuntungan pelaburan.

Dari kajian penulis pelaksanaan prinsip *muḍārabah* yang dijalankan oleh PT. Takaful Umum sememangnya telah sesuai dengan yang di rumuskan oleh para ulama dan pelaksanaan di PT. Takaful Umum termasuk kepada aqad *muḍārabah al-*

muṭlaqah, iaitu satu pihak menyerahkan modalnya kepada pihak lain tanpa mengenakan apa-apa sekatan atau syarat.

Secara aplikasi formalnya akad *muḍārabah* dibuat dalam bentuk perjanjian takaful. Di mana Syarikat takaful dan pelanggan mengikat diri dalam perjanjian *muḍārabah* dengan hak dan kewajipan sesuai dengan perjanjian. Konsep perjanjian *muḍārabah* yang diterapkan pada PT. Asuransi Takaful Umum mempunyai tiga unsur

Pertama adanya perjanjian antara pelanggan dengan syarikat, dan syarikat di amanahkan untuk melaburkan ke projek-proyek dalam bentuk *musyarakah*, *muḍārabah*, *murabahah* dan *wadi'ah* yang dihalalkan hukum Islam.

Kedua perjanjian antara pelanggan dan syarikat takaful berbentuk perkongsian untuk sama-sama menanggung risiko usaha dengan prinsip perkongsian untung yang segala ketentuannya telah disepakati bersama.

Ketiga dalam perjanjian antara pelanggan dengan syarikat takaful telah ditetapkan bahawa sebelum bahagi keuntungan yang diperoleh dari hasil usaha pelaburan terlebih dahulu diselesaikan pampasan pelanggan yang terkena kemalangan.

Teknis dari akad ini adalah pelanggan melakukan ijab dengan mengisi borang menjadi pelanggan PT. Asuransi Takaful Umum dengan disertai keridaan untuk memberikan wang caruman dan keikhlasan atas pengambilan dana *tabarru'* yang di pergunakan untuk saling menanggung jika terjadi musibah di antara pelanggan. Atas dasar inilah syarikat takaful menjalankan operasionalnya. Syarikat takaful menerima

wang caruman daripada pelanggan untuk ditadbir secara *muḍārabah* dan menggunakan dana *tabarru'* untuk pampasan pelanggan yang terkena musibah.

Sistem perkongsian untung adalah suatu sistem yang meliputi mekanisme pembahagian untung usaha antara pemilik dana dan pengelola dana.

Mekanisme perkongsian untung yang diaplikasikan di PT. Asuransi Takaful Umum adalah keuntungan pelaburan yang dibahagikan kepada peserta pada setiap tahun. Nisbah (komposisi persembahan) perkongsian untung ini telah di tentukan sebelumnya.

Sebelum bahagian keuntungan diperoleh pelanggan, maka terlebih dahulu diselesaikan pampasan, manfaat takaful dari pelanggan apabila ada yang mengalami musibah kemudian selepas itu keuntungan dibahagikan.

Perhitungan perkongsian untung PT. Asuransi Takaful Umum diasaskan pada mekanisme berikut:

Pertama dana caruman yang dibayarkan pelanggan dikumpulkan dalam kumpulan dana pelanggan kemudian dana caruman tersebut dilaburkan ke perniagaan dengan prinsip yang selari dengan ketentuan syariah Islam

Kedua syarikat asuransi takaful mengklasifikasikan jenis pelaburan ke instrumen pelaburan berprinsipkan syariah dengan selalu merujuk keputusan Direktorat Jeneral Lembaga Kewangan No. Kep.4499/lk/2000 tentang jenis, penilaian dan batas pelaburan syarikat insurans dan syarikat reinsurans dengan sistem syariah.

Ketiga proses kegiatan pelaburan menghasilkan keuntungan pelaburan.

Kempat perbandingan antara pelaburan dengan caruman yang dilaburkan akan menghasilkan kadar pelaburan.

Kelima kadar pelaburan akan dikalikan dengan caruman yang selanjutnya akan terwujud perkongsian untung

Keenam setelah dikurangkan pembayaran kos pampasan dan caruman reinsurans, perkongsian untung tersebut dibahagikan kepada syarikat 60% dan pelanggan 40%.

5.1 Cadangan-cadangan

Berpandukan pada pembahasan-pembahasan di atas, maka beberapa cadangan yang menurut penulis perlu dilakukan sama ada yang bersifat praktikal mahupun akademik. Pertama, pihak PT. Takaful Umum perlu mengadakan promosi yang lebih hebat lagi kerana setakat ini ramai masyarakat belum lagi mengetahui sistem *muḍārabah* yang diamalkan PT. Takaful Umum, tidak hanya menggunakan laman web sahaja, sedangkan tidak semua masyarakat celik internet dan tidak semua kawasan di Indonesia mempunyai perkhidmatan internet. Oleh kerana itu PT. Takaful Umum perlu menggunakan bentuk-bentuk promosi lain yang lebih berkesan seperti Televisi, Radio dan Brosur. Promosi dengan pelbagai cara tersebut membolehkan orang ramai mengetahui adanya takaful yang menggunakan sistem perkongsian untung.

Adapun yang kedua Dewan Syariah Nasional perlu lebih aktif lagi mempromosikan dan menyatakan kepada masyarakat bahawa takaful ini sesuai dengan syariah Islam sehingga masyarakat tidak ragu-ragu lagi dalam menyertainya.

Ketiga, Dewan Syariah perlu terus memantau agar jalannya syarikat ini tidak keluar daripada syariah Islam.

Keempat, masyarakat muslim perlu memberikan dukungan yang padu terhadap takaful agar insurans Islam semakin maju dan berkualiti dalam menyediakan khidmat dan produknya.

Kelima, masyarakat juga perlu menanamkan dalam diri mereka bahawa dengan menggunakan takaful mereka akan mendapat keuntungan yang sesuai dengan syariah Islam dan juga mendapatkan kepuasan secara spiritual kerana tidak terbabit dengan unsur-unsur yang dilarang oleh syariah.

Keenam, PT. Takaful Umum harus senantiasa bekerja sama dengan ahli akademik untuk mengadakan penelitian tentang apa saja produk yang dikehendak umat Islam, bagaimana cara agar umat Islam tetap menyokong padu takaful agar takaful mara ke hadapan.